

10/01/2000

Kedudukan parti bukan jaminan

Datuk Shahabudin Shafie

SAYA tertarik dengan laporan Kadir Dikoh dan Johny Giles Senin (Berita Harian) pada 13 Disember 1999 menerusi tajuk "Mengurangkan permainan politik" berikutan pelantikan Tan Sri Musa Mohamad sebagai Menteri Pendidikan baru dalam Kabinet Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Laporan mereka itu membabitkan pendapat tokoh antaranya Tan Sri Awang Had Salleh, tokoh akademi, Datuk Suhaimi Ibrahim, Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) dan Datuk Seri Najib Tun Razak, bekas menteri pendidikan.

Rata-rata mereka mengalu-alukan pelantikan Musa. Awang Had Salleh berkata "Pelantikan orang di luar parti seperti Musa, dijangka membebaskan terus jawatan itu daripada sebarang tekanan politik bagi kepentingan pendidikan negara."

Saya sukar menerima sepenuhnya pandangan Awang Had berhubung perkara ini. Di mana-mana sistem pentadbiran, sama ada di kementerian, jabatan, organisasi, persatuan dan sebagainya, pengaruh politik tidak dapat dielak sama sekali. Jika ada perbezaan, ia adalah dari aspek darjahnya semata-mata. Musa sebagai menteri mewakili parti politik yang memerintah tidak dapat mengelakkan dirinya daripada politik parti. Mungkin beliau perlu mengimbangkan antara politik kepartian dan kerjayanya dan pembangunan pendidikan negara dengan mengambil kira aspirasi rakyat yang berbilang kaum di negara ini.

Saya berpendapat Dr Mahathir tidak menetapkan sasaran "mengurangkan permainan politik" di kementerian ini sebagai kriteria utama. Lebih penting lagi ialah beliau menetapkan daya kepemimpinan yang tinggi yang ada pada Musa bagi menerajui kementerian itu dalam suasana politik negara yang membabitkan pelajar, guru dan pensyarah. Saya percaya menepati kriteria ini.

Musa sudah membuktikan daya kepemimpinannya apabila beliau sebagai ahli farmasi di jabatan kerajaan dan dipinjamkan ke Universiti Sains Malaysia (USM) dalam tempoh yang singkat melonjak naik sehingga ke jawatan Naib Canselor. Sebagai Naib Canselor selama 13 tahun, saya percaya beliau cukup faham aspirasi dan politik pelajar, guru dan pensyarah.

Awang Had turut menyatakan: "Malaysia nampaknya mula mencontohi Indonesia apabila turut melantik golongan intelek sebagai menteri Kabinet meskipun bukan di kalangan wakil rakyat."

Saya berpendapat negara tidak perlu mencontohi mana-mana negara lain. Apa yang dilakukan adalah berasaskan kepada keperluan mendesak berpandukan kepada prinsip memilih calon yang paling layak bagi memimpin sebuah kementerian yang begitu penting bagi masa depan negara.

Begitu juga kerajaan pernah melantik kalangan pegawai perkhidmatan awam dan swasta bagi mengisi jawatan naib canselor universiti tempatan. Ini menunjukkan keterbukaan dan ketelusan sistem pentadbiran negara. Meritokrasi hidup di negara ini.

Suhaimi pula memberi pendapat bahawa perubahan yang dilakukan oleh Dr Mahathir dengan menyatakan "seseorang tidak boleh lagi melihat kedudukan dalam parti sebagai jaminan kedudukan dalam Kabinet." Saya berpendapat kebimbangan yang disarankan oleh Suhaimi tidak wujud dalam jangka panjang. Kabinet memerlukan kedua-dua golongan; kaum intelek yang kuat berpegang kepada teori, fakta dan analisis yang lengkap dan ahli politik yang kuat dalam menggunakan akal dan kepantasan membuat keputusan. Di kalangan ahli-ahli politik kini juga ramai golongan intelek.

Di samping mengalu-alukan pelantikan Musa, khalayak harus memberi kepujian yang tinggi kepada Najib sewaktu menerajui kementerian itu. Dr Mahathir hanya menyebut satu ayat saja dalam pernyataan wawasannya iaitu "Jadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan". Dan dalam tempoh yang singkat Najib melaksanakannya dengan begitu baik. Mungkin ada kekurangan dan ini adalah menjadi tugas Menteri Pendidikan baru untuk membaikinya. Mematah balik ke perkara asas, adalah seolah-olah memutar balik jarum jam.